



MAKLUMAT RINGKAS PROGRAM *MyTECH PITCH*

TUJUAN

Program MyTech Pitch adalah platform *pitching* yang menemukan penyelidik produk/teknologi/perkhidmatan (R&D) teknologi tempatan terpilih dengan bakal *startups/venture capitals/angel investors* sebagai satu usaha untuk melonjakkan pengkomersialan R&D tempatan. Ianya memberi peluang kepada penyelidik dari universiti untuk mempromosikan penemuan, inovasi dan hasil penyelidikan mereka kepada bakal pelabur dan pemain industri, disamping bertukar maklumat, mengenai teknologi dan produk R&D tempatan di kalangan penyelidik/technopreneur.

OBJEKTIF

- i. Menyediakan platform bagi penyelidik dan inovator institusi pengajian tinggi mempromosikan penemuan inovasi dan hasil penyelidikan mereka kepada bakal startups/pelabur dan pemain industri dan seterusnya membina kerjasama strategik; dan
- ii. Memberi peluang kepada penyelidik dan inovator institusi pengajian tinggi dan startups memperkenalkan serta berkongsi maklumat dan pengetahuan teknologi dan produk tempatan.

MEKANISME PELAKSANAAN PROGRAM DAN BIDANG KEUTAMAAN

Program *MyTech Pitch* diadakan *online* secara bulanan berdasarkan konsep *meet-up*. Penyelidik (*pitcher*) akan mengadakan sesi pembentangan selama 5 minit. Seterusnya *startups/venture capital/angel investor* yang berminat akan dapat berbincang dengan lebih lanjut bersama penyelidik di *break-room* yang disediakan selepas keseluruhan sesi pembentangan.

PANDUAN UNTUK PEMBENTANG (PITCHING DECK):

Maklumat yang perlu ada untuk penyediaan slaid pembentangan (5 minit) adalah:

- *Problem Statement;*
- *Solution & Unique Selling Point (USP)/Value Proposition (VP);*
- *Target Market;*
- *Business Model;*
- *User Acquisition/Market Strategy;*
- *Your Ask.*

PENDAFTARAN:

Pendaftaran boleh dibuat melalui pautan berikut:

Pautan untuk penyelidik yang berminat untuk membuat pembentangan/*pitching*:

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdUGob7O32hITpnF_fZ-u2W-BGG9TJIEwBKXHiRum_w9Zidg/viewform

Pautan untuk *startups*, *venture capitals*, *angel investors*, pemain industri, universiti dan orang awam:

<https://forms.gle/u1As89GdigADQ5FA9>